

ISU SOSIAL DAN KEAGAMAAN KOMUNITI NELAYAN PANTAI DI NEGERI PERAK

SOCIAL AND RELIGIOUS ISSUES OF THE COASTAL FISHERMEN COMMUNITY IN THE STATE OF PERAK

Ideris Isahak¹
Muhammad Yusri Yusof @ Salleh^{2*}
Nurul Khairiah Khalid³

¹ Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.; Islamic Affairs Officer, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK). (Email: iderisukmjaipk@gmail.com)

^{2*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (corresponding author, e-mail: yusri613@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.(email:nkhairiah@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 9-1-2025
Revised date : 10-1-2025
Accepted date : 15-2-2025
Published date : 20-3-2025

To cite this document:

Isahak, I., Yusof @ Salleh, M. Y., & Khalid, M. K. (2025). Isu sosial dan keagamaan komuniti nelayan pantai di Negeri Perak. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*,10 (71), 150-159.

Abstrak: *Nelayan pantai merupakan komuniti kecil yang hidup di pesisir pantai. Lokality nelayan pantai di negeri Perak tertumpu di sebelah pantai barat. Empat kawasan utama ialah daerah Bagan Datuk, Manjung, Larut Matang dan Parit Buntar. Sumber pendapatan nelayan pantai adalah laut dengan memungut hasil laut menggunakan kelengkapan menangkap ikan tradisional. Nelayan pantai tidak bermalam di laut, berbeza dengan nelayan laut dalam yang tinggal lebih lama di laut untuk menangkap ikan. Kehidupan nelayan pantai sering dibelenggu dengan kesempitan hidup dan pelbagai permasalahan sosial dan keagamaan. Objektif utama kajian ini ialah menganalisis permasalahan sosial dan keagamaan nelayan pantai di negeri Perak Darul Ridzuan. Bagi memastikan objektif utama tercapai, kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di lapangan. Dua lokasi nelayan di negeri Perak iaitu Manjung dan Parit Buntar dijadikan lokasi kajian. Dapatan kajian menjelaskan bahawa isu sosial dan keagamaan nelayan berlaku dalam komuniti mereka. Isu- isu ini dapat dikategorikan kepada beberapa aspek iaitu akidah, ibadah, dakwah dan sosial. Kajian ini menyarankan agar usaha dakwah dan sokongan sosial perlu diperkembangkan bagi menuju kepada aspirasi Masyarakat Madani dan menjana kesejahteraan bersama.*

Kata kunci: *Nelayan Pantai, Isu Sosial, Isu Keagamaan.*

Abstract: *Coastal fishermen form a small community living along the shoreline. In the state of Perak, coastal fishing localities are concentrated along the western coast. The four main areas are the districts of Bagan Datuk, Manjung, Larut Matang, and Parit Buntar. Their primary*

source of income comes from the sea, as they harvest marine resources using traditional fishing equipment. Unlike deep-sea fishermen, coastal fishermen do not stay overnight at sea; deep-sea fishermen remain at sea for longer periods to catch fish. The lives of coastal fishermen are often plagued by financial hardship as well as various social and religious issues. The primary objective of this study is to analyze the social and religious challenges faced by coastal fishermen in Perak Darul Ridzuan. To achieve this objective, the study employs a qualitative methodology, utilizing interviews and field observations. Two fishing locations in Perak, namely Manjung and Parit Buntar, were selected as study sites. The study's findings indicate that social and religious issues are prevalent within this community. These issues can be categorized into several aspects: faith (akidah), worship (ibadah), missionary efforts (dakwah), and social concerns. This study recommends strengthening religious outreach and social support efforts to align with the aspirations of a Masyarakat Madani (Civilized Society) and to promote collective well-being.

Keywords: *Coastal Fishermen, Social Issues, Religious Issues*

Pengenalan

Nelayan pantai adalah satu komuniti kecil yang hidup berasaskan sumber sumber laut. Mereka masih menggunakan peralatan menangkap ikan kebanyakannya peralatan tradisional seperti pukot kecil, jala, sampan, bot kecil dan tempoh masa menangkap ikan mereka tidak terlalu lama sehingga perlu bermalam di laut. Nelayan pantai lazimnya menetap di kawasan pesisir pantai dan mengamalkan cara hidup yang sederhana. Kehidupan mereka yang serba kekurangan menjadikan komuniti ini tergolong dalam kumpulan B40 iaitu komuniti yang mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan (Muhaymin, 2023; Lokman, 2024). Di negeri Perak, komuniti ini tertumpu di daerah seperti Bagan Datuk, Manjung, Larut Matang, dan Parit Buntar. Namun, di sebalik keunikan kehidupan mereka, golongan nelayan pantai sering berdepan dengan pelbagai cabaran, khususnya yang berkaitan dengan isu sosial dan keagamaan. Isu sosial dalam kalangan nelayan pantai merangkumi aspek kemiskinan, pendidikan, institusi kekeluargaan, dan penglibatan dalam kegiatan tidak sihat (Norarshad et.al., 2021; Azrul, 2016). Manakala, isu keagamaan melibatkan aspek akidah, ibadah, serta kelemahan dalam pelaksanaan dakwah di peringkat komuniti (Aisyah et.al., 2024; Wafi et.al., 2019). Keterbatasan akses kepada pendidikan dan pemahaman agama yang mendalam turut menyumbang kepada permasalahan ini. Oleh yang demikian, kajian terhadap isu-isu ini amat penting bagi merangka strategi penyelesaian yang efektif demi kesejahteraan komuniti nelayan pantai. Dalam kesempitan hidup, mereka mengalami pelbagai masalah terutama aspek sosial dan keagamaan (Jabatan Agama Islam Perak, 2023). Jadual 1.1 merupakan permasalahan sosial dan agama nelayan negeri Perak yang telah dihipunkan hasil daripada analisis kajian-kajian lepas.


Jadual 1: Masalah-masalah nelayan pantai di negeri Perak

Nama & Pengarang Tahun	Masalah
(Muhaymin, 2023; Nazialita, 2016; Azrul 2016)	<ul style="list-style-type: none"> • Negeri Perak statistik tertinggi dalam Malaysia penyalahgunaan dadah <p>Negeri Perak mencatatkan statistik tertinggi penyalahgunaan dadah dalam kalangan nelayan. Kawasan yang merekodkan penyalahgunaan dadah tertinggi iaitu di daerah Manjung, Larut Matang, Selama dan Kerian. Masalah ini berpunca daripada kurangnya iman dan jati diri nelayan lalu mengambil jalan penyelesaian mudah untuk mengatasi tekanan kerja berat mereka. Oleh yang demikian, dakwah yang berkesan mampu menyedarkan mereka malah mampu menguatkan iman supaya menjauhi sebarang perkara yang boleh merosakkan diri.</p>
(Norarshad et.al., 2021; Sobry, 2016)	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung nelayan lokasi yang tertinggi penyalahgunaan dadah <p>Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Perak mendapati lokasi penyalahgunaan dadah yang tertinggi di negeri Perak ialah di Kampung Deralik, Setiawan iaitu sebuah perkampungan nelayan. Ia berpunca daripada tahap pendidikan yang rendah, tekanan dalam kehidupan dan beban kerja yang tinggi membuatkan mereka terjerumus ke dalam kancuh penagihan dadah. Penyelesaian yang terbaik bagi isu ini ialah melalui medium agama. Nelayan perlu dipertingkatkan dari aspek kerohanian dan jati diri agar mereka mampu menepis segala ancaman dadah. Aktiviti dakwah dalam kalangan nelayan secara tuntas mampu mengukuhkan rohani nelayan.</p>
(Lokman, 2024)	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan ketagih ketum <p>Ketagihan ketum antara permasalahan yang dihadapi oleh nelayan di sekitar negeri Perak. Menurut laporan Maritim Perak, nelayan membiasakan budaya kerja mereka dengan ketum dan dadah dengan kerja berat. Kebergantungan dengan bahan terlarang boleh memudaratkan kesihatan mereka dan bercanggah dengan ajaran Islam yang mewajibkan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT. Oleh kerana itu, dakwah yang berkesan diperlukan agar menarik mereka bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT di samping mencari rezeki yang halal.</p>

<p>Aisyah et.al., (2024), Wafi et.al. (2019)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Anak-anak nelayan terdedah dengan pergaulan bebas <p>Pelbagai masalah sosial berlaku kepada anak-anak nelayan berusia 20-an antaranya pergaulan bebas. Punca wujudnya pelbagai masalah sosial adalah kesan pengabaian ibu bapa mereka kerana kesibukan kerja selain kurangnya penerapan nilai-nilai dakwah Islam ke dalam diri mereka. Anak-anak yang terisi di jiwanya dengan nilai dan akhlak Islam mampu berfikir dan menilai dengan baik seterusnya mampu mengekang dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang memudaratkan dirinya.</p>
<p>Laporan Tahunan Jabatan Agama Islam Perak (2023)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan Pendakwah dari kalangan Guru Agama Dakwah <p>Guru Agama Dakwah (GAD) yang diperuntukkan di daerah-daerah yang mempunyai penempatan nelayan sekitar empat hingga lapan orang sahaja. Menerusi jumlah GAD yang dicatatkan, mereka tidak mampu menfokuskan dakwah kepada golongan nelayan setiap masa. Dalam setahun hanya sekitar lima kali sahaja mereka menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat nelayan.</p>
<p>Laporan Tahunan Jabatan Agama Islam Perak (2023)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan tidak ke sempit masjid <p>Guru Takmir yang diperuntukkan pula ialah sekitar 13 hingga 26 orang sahaja di setiap daerah yang berkenaan. Kekangan dakwah yang timbul ialah mereka hanya berdakwah di masjid sahaja sedangkan nelayan tidak hadir ke masjid kerana sibuk bekerja di laut.</p>
<p>Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan adat Melayu Perak (MAIAMPk) (2023)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dakwah hanya melalui sumbangan dan bantuan <p>Dakwah yang dijalankan kepada nelayan adalah dengan menghulurkan bantuan peralatan pekerjaan seperti bot dan enjin. Selain itu, bantuan berupa pek barangan keperluan dapur turut dihulurkan kepada mereka.</p>

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan kaedah analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian. Pengumpulan data kajian ini bagi kajian ini adalah daripada analisis kandungan daripada jurnal-jurnal, buku dan artikel dalam akhbar. Temu bual dijalankan bersama 3 informan yang terlibat lansung dalam aktiviti dakwah di lapangan dan pemerhatian yang dijalankan di dua lokasi nelayan pantai di negeri Perak. Dua lokasi yang dimaksudkan ialah di daerah Manjung dan Parit Buntar. Pengkaji menemu bual tiga orang informan iaitu pendakwah yang berdakwah kepada nelayan dan pengalaman mereka telah melebihi 10 tahun. Bagi analisis data pula, ia dilaksanakan dengan cara menganalisis kandungan melalui dapatan pembacaan artikel jurnal, buku dan makalah daripada penerbitan akhbar. Analisis tematik pula dilaksanakan daripada temu bual dan pemerhatian. Rajah 1 merupakan carta alir bagi metodologi kajian ini:



Rajah 1: Metodologi Kajian

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini diambil dari hasil temu bual dan Dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di lapangan dengan menemu bual dua informan dan membuat pemerhatian di empat lokasi di sekitar negeri Perak iaitu Bagan Datuk, Manjung, Larut Matang dan Parit Buntar. Hasil dapatan lapangan mendapati berlaku permasalahan di kalangan nelayan. Pengkaji membahagikan permasalahan nelayan tersebut kepada empat keadaan iaitu akidah, ibadah, sosial dan dakwah.

Masalah Keagamaan

1. Masalah akidah

Segelintir nelayan pantai di negeri Perak masih mengamalkan amalan khurafat dan ritual ini kian kurang dilakukan. Walaubagaimanapun, ia masih wujud dalam komuniti mereka. Perbuatan tersebut merupakan warisan daripada nenek moyang mereka dan telah sekian lama diamalkan. Mereka mempercayai amalan tersebut mampu memberi kebaikan dan menjauhkan mereka daripada sebarang kemudaratan. Hal ini telah dijelaskan oleh informan 1 dengan menyatakan bahawa nelayan pantai menggunakan pulut kuning kemudian dihanyutkan ke laut. Ritual tersebut dilakukan dengan harapan akan ada jin laut yang akan memakannya seterusnya membantu mereka ketika mereka menangkap ikan. Mereka juga mempercayai bahawa dengan melakukan ritual tersebut ia mampu mendatangkan rezeki yang banyak di laut (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025). Masalah akidah merupakan masalah penting yang perlu ditangani segera oleh komuniti nelayan dan ia disokong oleh data lapangan lain seperti di Pontian, Johor Perkara ini disokong oleh Rosmiza dan Sharifah (2021) (Rosmiza & Sharifah, 2021).

2. Masalah ibadah

Rutin harian nelayan sangat sibuk di laut. Hal ini kerana kesempitan hidup mereka membuatkan mereka terpaksa bekerja keras untuk menyara keluarga. Maka, mereka menghabiskan banyak masa di laut walaupun mereka tidak bermalam di sana. Kesibukan mereka ini membuatkan mereka tidak sempat ke masjid atau pun surau di penempatan mereka. Kesannya mereka tercicir dalam mempelajari ilmu agama dan tatacara ibadah

yang sah. Informan 1,2 dan 3 menyatakan bahawa tahap pendidikan agama dan penghayatan cara hidup Islam keluarga nelayan berada di tahap rendah. Hal ini berpunca daripada kesibukan kerja mereka di laut. Lama-kelamaan mereka meringankan tuntutan ibadah tersebut. Kebanyakan nelayan pantai tidak melakukan solat fardhu lima kali sehari semalam dan tidak berpuasa dengan alasan mereka sibuk bekerja dalam masa yang sama mereka tidak menyedari bahawa mereka dalam keadaan keketatan ilmu agama (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025; Informan 3, 2025). Perkara ini disokong data lapangan lain oleh Yusmia dan Fina (Yusmia (2021); Fina et.al., 2019).

3. Masalah dakwah

Terdapat masalah di kalangan nelayan pantai yang berpunca daripada penyampaian dakwah. Masalah ini datang daripada pendakwah sendiri namun ia memberi kesan kepada perkembangan ilmu agama nelayan. Informan 2 menyatakan pendakwah yang berdakwah bersama beliau di perkampungan nelayan pantai Parit Buntar hanya ada enam orang sahaja. Sedangkan perkampungan nelayan pantai di lokasi tersebut sangatlah luas. Keenam-enam pendakwah ini terdiri daripada Guru Agama Dakwah (GAD) di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Perak. Mereka tidak mampu untuk menyantuni nelayan pantai di lokasi mereka secara agresif dan berkala oleh kerana kekangan tersebut (Informan 2, 2025). Informan 1 pula menyatakan pendakwah di lokasi beliau juga sangat kurang. Hal ini kerana lokasi nelayan pantai di Manjung membawa ke Pulau Pangkor. Selalunya pendakwah akan merungut untuk berdakwah di sana kerana untuk kos untuk sana sangat tinggi apatah lagi pergi pada waktu malam. Kosnya boleh mencecah ratusan ringgit. Ia melibatkan kos sewaan bot, tapisan pintu jeti, sewaan kenderaan di pulau dan sebagainya. Permasalahan dakwah ini memberi kesan kepada nelayan menyebabkan nelayan kurang di tarbiah dan tidak mendapati pencerahan berkenaan agama secukupnya (Informan 1, 2025). Perkara ini disokong oleh laporan dalam daripada JAIPk (JAIPk, 2023).

Informan 1 dan 3 menyatakan banyak badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) yang datang kepada nelayan untuk menyantuni mereka. Walaupun begitu, ia hanyalah bersifat tahunan dan ia bukanlah secara berkala. Mereka menghulurkan pelbagai bantuan kepada keluarga nelayan dari hal pakaian, perkakasan rumah, barangan dapur dan bermacam-macam lagi. Dari sudut dakwah pula ianya sekadar memberi nasihat dan teguran-teguran kepada nelayan secara tidak langsung sambil berinteraksi dengan mereka. Oleh yang demikian, ia kurang memberi kesan dakwah yang mendalam kepada nelayan kerana masa yang diperuntukkan ketika bersama mereka tersangat terhad dan program yang bersifat bukan berkala. Ianya hanya dilakukan satu atau dua kali sahaja setahun (Informan 1, 2025; informan 3, 2025).

Masalah Sosial

Masalah sosial antara masalah yang utama nelayan pantai. Kehidupan nelayan yang menghimpit mendorong kepada pelbagai permasalahan sosial.

1. Ketagihan dadah

Informan 2 menyatakan lokasi dakwahnya di Manjung merupakan 'lubuk dadah'. Hal ini kerana informan melihat dadah mudah untuk didapati di lokasi tersebut dan ramai nelayan yang terjebak dengan dadah. Lebih menyedihkan anak-anak nelayan juga ramai yang terlibat dengan ketagihan dadah. Informan 1 menyatakan dadah-dadah tersebut nelayan perolehinya daripada majikan di tempat mereka bekerja. Kadang-kadang dadah diberi

kepada nelayan sebagai ganjaran kepada mereka yang telah bertungkus-lumus bekerja keras untuk mereka mendapatkan banyak hasil laut. Maka, bermula daripada perkara tersebut nelayan mula ketagih dengan najis dadah (Informan 1, 2025). Informan 2 menyatakan kebanyakan nelayan mengambil dadah dengan niat dadah membantu mereka untuk memberi tenaga untuk menampung bebanan kerja berat mereka. Apabila telah ketagih, mereka memerlukan dadah walaupun bukan waktu mereka bekerja (Informan 2, 2025). Ketagihan dadah ini disahkan oleh pihak Maritim Malaysia berdasarkan laporan Berita Harian bertarikh 30 Mac 2024 dan laman Maritim Malaysia bertarikh 16 Ogos 2024 (Hezelen, 2024; Maritim Malaysia, 2024).

2. Pergaulan bebas

Pergaulan bebas dalam masyarakat nelayan sedang berlaku dan ia telah dinormalisasikan. Informan 2 dan 3 menyatakan perkara ini berlaku kerana nelayan tidak mempunyai masa untuk memantau pergerakan anak-anak mereka. Oleh kerana kesibukan tersebut tiada tegahan kepada anak-anak mereka untuk melakukan perkara tersebut. Kebiasaannya anak-anak nelayan akan ke hulu ke hilir di sekitar kampung dengan menaiki motosikal walaupun berlainan jantina (Informan 2, 2025; Informan 3, 2025). Informan 1 pula menyatakan pergaulan bebas di lokasi dakwahnya iaitu di Parit Buntar kerap mengundang kepada perbuatan zina. Ia bukan saja berlaku di peringkat anak-anak nelayan bahkan berlaku kepada isteri-isteri nelayan. Hal ini berpunca daripada suami yang bekerja sebagai nelayan kerap tiada di rumah pergi menangkap ikan dan meninggalkan isterinya di rumah (Informan 1, 2025). Pergaulan bebas antara cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti nelayan ini di sokong oleh data lapangan lain seperti di Tanjung Dawai, Kedah (Wafi et.al, 2019).

3. Ketagihan ketum

Ketum dan dadah merupakan dua bahan yang dijadikan nelayan sebagai minuman dan makanan ketika mereka menjalankan kerja-kerja menangkap ikan. Informan 1 menyatakan minuman ketum kerap dijumpai di jeti- jeti nelayan sebagai minuman mereka ke laut. Informan 2 pula menjelaskan bebanan kerja mereka yang berat membuatkan mereka memerlukan daun ketum sebagai sebagai sumber tenaga. Kerja-kerja seperti menarik sauh sampan, menarik jala atau pun pukut dan mengangkat tong ikan yang sarat dengan muatan ikan memerlukan tenaga yang banyak dan kekuatan yang luar biasa (Informan 1, 2025; Informan 2, 2025). Dapatan ini disahkan dengan laopran Kosmo Digital yang bertarikh 21 Januari 2024 yang berlaku di Kelantan dan Maritim Malaysia pada 31 Disember 2024 yang berlaku di Selangor (Rohana, 2024; Maritim Malaysia, 2024).

Saranan

Pengkaji menyarankan beberapa pendekatan dakwah baharu bagi penambahbaikan kepada dakwah sedia kepada nelayan pantai:

1. Penyesuaian dakwah berdasarkan rutin nelayan

Dakwah yang berkesan memerlukan pengamatan yang mendalam terhadap sasaran dakwahnya. Dalam konteks nelayan pantai, pendakwah perlu bijak mengatur dakwah agar ianya bersesuaian dengan pola kerja harian mereka yang sibuk itu. Prinsip ini menepati seruan dalam dakwah secara berhikmah. Termasuk hikmah dalam berdakwah ialah memahami rutin nelayan. Ini berasaskan kepada Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”
(Surah al-Nahl: 125)

Ini juga berdasarkan kepada panduan yang diberikan oleh Saidina Ali R.A iaitu menekankan agar penyampaian kepada mad'u dengan kadar kemampuan akal dan keadaan mereka, ini dapat dilihat daripada nasihat beliau:

قَالَ عَلِيٌّ: حَدِّثُوا النَّاسَ، مَا يَعْرِفُونَ أَتُحِبُّونَ أَنْ يُكَذَّبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

Mafhumnya: Berbicaralah dengan manusia apa yang mereka tahu, adakah kalian ingin mendustakan Allah SWT dan Rasul-Nya.

(Muslim, 2016)

2. Pendakwah perlu kepada pengorbanan yang jitu

Cabaran yang dihadapi oleh pendakwah untuk berdakwah kepada nelayan pantai antaranya lokasi perkampungan mereka di Kawasan pedalaman dan sangat jauh, nelayan banyak menghabiskan masa di laut, anak-anak nelayan yang liar dan luar kawalan ibu bapa dan sebagainya. Semua perkara ini memerlukan pengorbanan dan keikhlasan yang jitu untuk terus istiqamah berdakwah kepada mereka. Pendakwah perlu mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal untuk menjalankan dakwah yang berterusan kepada mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebijaksanaan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan).”

(Surah Ali ‘Imran: 200)

3. Menggunakan pendekatan dakwah terkini

Di zaman yang serba canggih ini, pendakwah perlu memanfaatkan teknologi terkini untuk melakukan dakwah kepada nelayan pantai. Pendakwah sedia maklum nelayan banyak menghabiskan masa mereka di laut untuk menangkap ikan. Oleh itu, pendakwah perlu melihat ia sebagai peluang berdakwah dan bukan halangan kepada dakwah. Apa yang pendakwah boleh lakukan ialah pendakwah boleh membina aplikasi telefon pintar dengan memuatkan pelbagai ilmu dakwah yang ingin disampaikan. Melalui aplikasi tersebut nelayan boleh menontonnya walaupun mereka sedang kerja-kerja harian mereka. Pendekatan hikmah dalam Surah al-Nahl, ayat 125 juga merangkumi penggunaan pendekatan yang bersifat semasa. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

(Surah al-Nahl: 125)

4. Memperbanyak program secara berkala

Pendakwah perlu banyak masa bersama mad'u. Kesannya, pendakwah lebih mudah untuk menyelami mereka dalam masa yang sama hubungan antara pendakwah semakin kuat dan erat. Oleh yang demikian, mudah kepada pendakwah untuk menjalankan sesuatu aktiviti atau program dakwah secara berkala kepada mereka. Bersungguh dalam usaha dakwah ini selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik”

(Surah al-Ankabut: 69)

Rumusan

Kajian ini mendapati bahawa komuniti nelayan pantai di negeri Perak berdepan dengan pelbagai isu sosial dan keagamaan yang memberi kesan terhadap kesejahteraan hidup mereka. Isu-isu seperti kemiskinan, ketagihan dadah, ketum, pergaulan bebas, serta kekurangan kesedaran agama dalam aspek akidah dan ibadah merupakan cabaran utama yang perlu ditangani. Faktor kesibukan bekerja di laut, kurangnya pendakwah di kawasan perkampungan nelayan, dan penyampaian dakwah yang tidak berkesan turut memburukkan keadaan. Bagi menangani permasalahan ini, pendekatan dakwah yang lebih inklusif dan sistematik perlu dilaksanakan. Pendakwah harus menyesuaikan strategi dakwah dengan rutin kehidupan nelayan serta menggunakan teknologi moden sebagai medium penyampaian ilmu. Selain itu, usaha kolaboratif antara pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), dan masyarakat setempat perlu diperkasakan bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti nelayan pantai. Dengan sokongan yang menyeluruh, aspirasi untuk membentuk sebuah *Masyarakat Madani* yang harmoni dan berdaya maju dalam kalangan komuniti nelayan pantai dapat direalisasikan.

Rujukan

- Abdul Basit Khalil. (2025). Kerangka Penyampaian Dakwah Nelayan Pantai Negeri Perak Darul Ridzuan. Manjung: 9 Februari 2025.
- Azrul Affandi Sobry. (2016, Julai 14). 14 Zon Kronik dadah di Seluruh Negara. *Berita Harian*.
- Fina Nihayatul Khusna, Pudjo Suharso, Sukidin. (2019). Spirulitas Agama Dan Etos Kerja Masyarakat Dalam Penanggulangan Kemiskinan Nelayan Desa Grajagan Kecamatan Purwoharjo Kabupaten Bayuwangi. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*, 13(1), 8-14.
- Hezelen Liana Kamarudin (2024, 30 Mac). Nelayan Ambil Dadah 'Bekal' Tenaga ke Laut-Maritim. *Berita Harian*.
- Jabatan Agama Islam Perak. (2023). Buku Laporan Tahunan Jabatan Agama Islam Perak 2023. <https://jaipk.perak.gov.my/>
- Lokman Khairi. (2024, Januari 21). 22 Nelayan Asing Ditahan, Minum Ketum Sebelum Tangkap Ikan. *Harian Metro*.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. (2023). <https://www.maiamp.gov.my/index.php/info/berita/2041-bantuan-modal-bantuan-enjit-bot-dan-sampan-sinari-kehidupan-asnaf.html>
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. (2023). <https://www.maiamp.gov.my/index.php/korporat/objektif-visi-misi.html>
- Mohamad Haris Sulaiman. (2025). Kerangka Penyampaian Dakwah Nelayan Pantai Negeri Perak Darul Ridzuan. Parit Buntar: 23 Januari 2025.
- Mohd Norarshad Nordin, Nur Faziera Yaakub Tarmiji Masron, Christopher Perumal. (2021). Peranan Komuniti Setempat Dalam Memerangi Jenayah Sosial di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, Malaysia. *Malaysian Journal Tropical Geography* 47 (1&2). 143-163.
- Muhammad Hadi Jalil. (2025). Kerangka Penyampaian Dakwah Nelayan Pantai Negeri Perak Darul Ridzuan. Manjung: 17 Februari 2025.
- Muhammad Wafi Ramli, Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, Sofia Haminah Mohd Som (2019) Cabaran Hidup Miskin Dalam Kalangan Komuniti Nelayan Di Tanjung Dawai, Kedah. *Malaysian Journal of Society* 15(1). 54-66.
- Muhaymin Hakim Abdullah. (2023). Penyeludupan Dadah di Malaysia: Modus Operandi dan Strategi Pencegahan. *Human Sustainable Procedia* 3(2). 70-84.
- Nazialita Geynna Maharan. (2016, 31 Jun). Lebih 70 Peratus Nelayan Terlibat Penyalahgunaan Dadah. *Astro Awani*.
- Nurul Aisyah Awanis A Rahim, Siti Nuraini Muhammad, Siti Nasuha Muhammad. (2024). Kesan Pembinaan Pemecah Ombak terhadap Sosio-Ekonomi Masyarakat dan Alam Sekitar: Kajian Kes di Pelabuhan Perikanan Chendering. *International Journal of Malay World and Civilisation* 12(1). 41-58.
- Muslim, Imam Abi Husayn Muslim bin Al-Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi. (1991). Sahih Muslim. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Maritim Malaysia. (2024, 16 Ogos). Maritim Malaysia, AADK Tahan 5 Nelayan Positif Dadah. *Maritim Malaysia*.
- Maritim Malaysia. (2024, 31 Disember). Bot Nelayan Kelas C ditahan Miliki Ketum. *Maritim Malaysia*.
- Rohana Mohd Nawati. (2024, 21 Januari). 16 Nelayan dicekup Hisap Pil Kuda, Minum Ketum di Bachok. *Kosmo*.
- Rosmiza M.Z & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2021). Adat Dan Amalan Masyarakat Bugis Di Pontian, Johor Dalam Aktiviti Perikanan. *Jurnal Dunia Perniagaan* 3(1). 1-8.
- Yusmia Widiastuti. (2021). Upaya Peningkatan Pendapatan Nelayan Kecil Melalui Off Fishing Employment di Kabupaten Bayuwangi. *Journal of Aquaculture Science* 6. 261-267.